

20/08/2004

Pas diminta hormati, jaga al-Quran

SEREMBAN: Tun Dr Mahathir Mohamad mengingatkan Pas supaya jangan menjual ayat al-Quran dengan harga yang murah.

Sebaliknya, bekas Perdana Menteri berkata, semua pihak perlu menghormati dan menjaga sebaik-baiknya ayat suci al-Quran.

Beliau berkata, Pas begitu mudah memberi tafsiran salah terutama ketika parti itu mahu mencapai cita-cita politik mereka.

Sehubungan itu, Dr Mahathir yakin Barisan Nasional (BN) akan terus mendapat kepercayaan dan memperoleh kemenangan dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kuala Berang, 28 Ogos ini.

"Saya rasa boleh, saya harap lebih baik daripada dulu, saya fikir begitu kerana BN sudah mula menunaikan janjinya yang dibuat dalam pilihan raya umum lalu kepada pengundi.

"Saya fikir orang Terengganu tidak berminat hendak sokong Pas, Pas guna macam-macam taktik hendak pancing undi, guna tafsiran salah," kata beliau ketika diminta mengulas peluang BN pada pilihan raya kecil berkenaan.

Dr Mahathir ditemui selepas menyampaikan ceramah umum 'Sekolah Bertaraf Dunia' di Sekolah Menengah Kebangsaan Seremban 2, semalam, yang turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Dr Mahathir berkata, kejayaan BN merampas Terengganu dalam pilihan raya umum lalu, menunjukkan rakyat menerima pelaksanaan dasar Islam yang dibuat kerajaan BN.

Sebaliknya, kata beliau, Pas menentang apa saja dibuat pihak lain, sekalipun ia baik untuk umat Islam.

(END)